

Tajuk : Penerima MAGU Berjanji Lakukan Yang Terbaik Untuk Unimas.

Penerima MAGU berjanji lakukan yang terbaik untuk Unimas



ZAPHNE PHILIP

KOTA SAMARAHAN, Rabu - Majlis Anugerah Gemilang Unimas (MAGU) bukan sahaja mengiktiraf perkhidmatan stafnya malah mampu mendorong mereka untuk terus melakukan yang terbaik di masa akan datang.

Penerima Anugerah Penyelidik Muda, Bakri Abdul Karim berkata beliau sangat gembira apabila dianugerahkan sebagai penyelidik muda.

"Ini merupakan anugerah yang ketiga yang pernah saya menangi, sebelum ini adalah anugerah Perkhidmatan cemerlang dan portfolio pengajaran.

"Nasihat saya kepada penyelidik baru agar dapat mengikuti jejak saya adalah, kita perlu ada seorang mentor, bermula dari bawah, rajin bertanya, bekerjasama dalam satu pasukan serta jangan malu bertanya," katanya ketika ditemui pemberita di sini, hari ini.

Prof Madya Dr David Perera, penerima Anugerah Highest



Prof Madya Dr David Perera



Prof Madya Dr Mohd Ibrahim Safawi Mohd Zain

Impact Journal Paper, berkata beliau juga berasa sangat teruja dan terdorong apabila hasil kerja beliau dan pasukannya telah diiktiraf oleh UNIMAS.

"Terima kasih kepada pihak Universiti dan berharap melalui penganugerahan ini juga kami akan berusaha menghasilkan sesuatu yang labih baik di masa akan datang.

"Ini juga merupakan anugerah kedua yang pernah kami terima dan ini membuktikan bahawa Institut Kesihatan dan Perubatan Komuniti sentiasa menginginkan hasil terbaik khususnya untuk komuniti

global," katanya.

Prof Madya Dr Mohd Ibrahim Safawi Mohd Zain, penerima Anugerah Inovasi Naib Canselor, berkata anugerah tersebut merupakan anugerah pertama yang pernah beliau terima.

"Tidak sangka projek yang dilaksanakan dalam masa singkat enam bulan dalam membawa kebaikan kepada organisasi telah diiktiraf.

"Diharap para staf yang lain sentiasa maju dan berfikiran di luar kotak serta berani mencuba, jika ada rezeki pasti akan membawa perubahan hasil," katanya.



Bakri Abdul Karim